

Keberkesanan Penggunaan Strategi Fix-Up dalam Pemahaman Teks dan Menjawab soalan

Hajjah Marzia Abdul Rahman

hajjah_marzia@moe.edu.sg

Nur Hasyimah Surnin

nur_hasyimah_surnin@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Fuchun

Abstrak

Penelitian laporan pencapaian PSLE 2014 dan analisis item menunjukkan peningkatan bagi komponen kefahaman berbanding tahun-tahun lalu. Pencapaian ini menunjukkan keberkesanan strategi yang telah digunakan dalam pembelajaran kefahaman di dalam kelas. Sebagai usaha lanjutan, guru-guru ingin meningkatkan dan mengekalkan pencapaian tersebut. Kajian telah dijalankan bersama murid Darjah 6 bertujuan untuk meningkatkan pemahaman murid mengenai teks yang dibaca dan membantu murid menjawab soalan-soalan kefahaman yang mengikuti teks tersebut. Melalui strategi mencari hubungan dan makna dan strategi 'Fix up', murid dirancah untuk meneliti soalan yang diberikan agar dapat menjawab soalan kefahaman dengan betul. Murid diberi perancahan memahami strategi sebelum menggunakan strategi untuk menjawab soalan. Terdapat peningkatan dalam keputusan komponen kefahaman yang diraih murid.

Kata Kunci: pemahaman teks, strategi pemahaman



PENGENALAN

Setelah meneliti laporan pencapaian PSLE 2014, guru-guru Bahasa Melayu mendapati bahawa program berdasarkan kurikulum yang dijalankan pada tahun tersebut telah memberikan manfaat kepada murid tahun yang sama. Pencapaian murid untuk komponen kefahaman objektif adalah 7% di atas purata nasional sementara pencapaian murid untuk komponen kefahaman subjektif adalah 4% di atas purata nasional.

Dengan pencapaian yang menggalakkan ini, guru-guru Bahasa Melayu membuat keputusan untuk menggunakan strategi yang sama dalam pengajaran kefahaman untuk murid Darjah 6 pada tahun berikutnya. Bukan sahaja murid menunjukkan pencapaian yang baik untuk komponen kefahaman, malahan pencapaian yang baik juga dapat dilihat untuk kesemua komponen yang diuji dalam peperiksaan PSLE tahun 2014.

Guru-guru Bahasa Melayu mendapati bahawa bukan sahaja strategi yang diamalkan dapat meningkatkan pencapaian bahagian kefahaman, namun, ia juga dapat meningkatkan pencapaian dalam bahagian bahasa yang lainnya. Maka tiada lagi kekhawatiran dalam membuat keputusan untuk menggunakan strategi yang sama dalam pengajaran kefahaman.

Program serupa telah dijalankan untuk setiap pelajaran kefahaman. Teks-teks yang dipilih merupakan teks kefahaman dari kertas peperiksaan PSLE tahun-tahun lalu untuk memastikan murid terbiasa dengan teks yang bermutu tinggi dan mempunyai kaitan dengan diri murid. Strategi yang disenaraikan oleh Harvey dan Goudvis (2007) yang dipilih merupakan strategi yang dapat membantu murid dalam pemahaman teks. Strategi-strategi yang diajar termasuk:

1. Mencari hubungan dan makna
2. Membuat ramalan
3. Menilai pemahaman sendiri
4. Membuat gambaran
5. Strategi 'Fix up'



Di samping strategi yang digunakan, guru-guru juga mendapati bahawa murid memerlukan sedikit bantuan dalam memahami soalan yang mengikut teks. Maka, kajian pada tahun sebelumnya telah diperhalusi dengan memasukkan strategi dalam menjawab soalan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. memastikan murid dapat menggunakan strategi yang diajar dalam memahami teks kefahaman;
2. memastikan murid dapat menggunakan strategi memahami soalan yang diajarkan; dan
3. mengekalkan prestasi murid dengan pencapaian 70% markah untuk komponen kefahaman.

PERNYATAAN MASALAH

Murid yang datang dari latar belakang keluarga yang berbeza menuntut guru-guru melakukan rancangan pengajaran yang merancah mereka dalam pemahaman teks kefahaman. Murid Darjah 6 didapati sukar memahami teks kefahaman kerana penguasaan bahasa mereka yang lemah. Pemerhatian melalui kerja-kerja dalam kelas dan peperiksaan sekolah yang ditadbirkan menunjukkan murid tidak memahami teks kerana perkataan-perkataan sukar yang terdapat di dalamnya.

Strategi yang diamalkan bertujuan membantu murid memahami teks kefahaman yang diberikan. Strategi baharu yang diperkenalkan akan membantu murid mengenal pasti kehendak soalan agar murid dapat mencari jawapan dan bukti dalam teks kefahaman yang diberikan.

KAJIAN LEPAS

Terdapat pelbagai jenis kajian yang telah dijalankan dalam bidang pemahaman teks. Kajian-kajian yang telah dijalankan merujuk kepada penggunaan 'skema' atau pengetahuan sedia ada murid dalam membantu mereka memahami



teks yang dibaca. Murid perlu menghubungkan pengalaman mereka agar teks yang dibaca lebih mudah difahami. Untuk melakukan demikian, murid sendiri perlu ada pengalaman yang serupa dengan isi teks agar mereka dapat menghubungkan kaitkan pengalaman.

Maka, kajian yang dijalankan terdapat pengubah suaian di mana video dimainkan untuk memberikan murid pengetahuan sedia ada yang diperlukan. Perbincangan bersama rakan juga diadakan agar murid yang mempunyai pengalaman dapat berkongsi dan rakan mereka.

Menurut Korabiak dan Mete (2004), dalam proses membaca teks, pembaca perlu memahami isi teks yang meliputi maklumat, penerangan atau perkara yang hendak disampaikan. Proses membaca merupakan sesuatu yang kompleks kerana perlu melibatkan pemikiran. Tanpa memahami teks yang dibaca, pembaca tidak dianggap menguasai kemahiran membaca.

Menurut Mahzan Arshad (2008) juga, membaca dan memahami merupakan proses yang konstruktif. Maka, perancangan perlu dilakukan agar murid dapat memahami teks dengan sepenuhnya sebelum mereka cuba menjawab soalan yang mengikutinya.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan berbentuk kajian eksperimental. Kajian dijalankan dengan murid Darjah 6 seramai 70 orang. Murid datang dari tiga kelas yang berbeza dan memiliki tahap pencapaian bahasa yang berbeza. Murid diajar oleh tiga orang guru yang berbeza. Guru-guru dilatih cara-cara mengajarkan strategi yang dipilih dan dipantau oleh dua orang guru yang telah menjalankan strategi yang sama pada tahun sebelumnya.

Murid diajarkan strategi-strategi memahami teks dan menjawab soalan kefahaman dalam masa yang diperuntukkan untuk pelajaran kefahaman iaitu selama satu jam 2 minggu sekali. Kajian dijalankan selama dua penggal bermula penggal yang pertama.



Keputusan murid untuk komponen kefahaman subjektif dicatat pada awal kajian untuk melihat keberkesanan penggunaan strategi yang dipilih dalam meningkatkan pemahaman dan pencapaian pelajar. Keputusan peperiksaan prelim untuk komponen yang sama dicatat pada akhir kajian.

Strategi diperkenalkan kepada murid secara berperingkat. Ini adalah untuk memastikan bahawa murid dapat mahir dalam penggunaan strategi-strategi yang diajarkan. Murid perlukan kemahiran ini untuk memastikan mereka menggunakan kemahiran yang sama sewaktu menjawab mana-mana soalan kefahaman yang diberikan kepada mereka.

Semasa pengajaran strategi mencari hubungan dan makna, Murid menonton video yang mempunyai kaitan dengan isi teks. Ini untuk memastikan murid yang tidak mempunyai pengalaman berkaitan teks dapat juga meraih sedikit informasi berkaitan teks. Strategi ini dipilih sebagai strategi pertama yang diajarkan kerana jika murid mendapati sesebuah teks itu ada kaitannya dengan mereka, murid akan dapati bahawa memahami teks menjadi lebih mudah.

Bersesuaian dengan kajian Cris Tovani (2000) yang menyatakan mengapa mencari hubungan dan makna dapat membantu pemahaman pelajar. Menurut beliau, ia dapat membantu murid memahami perasaan dan perlakuan watak dalam teks. Dengan pemahaman ini, murid lebih jelas tentang kejadian yang berlaku dalam teks dan akan lebih melibatkan diri untuk fokus dalam pembacaan. Murid juga akan mudah mengingat apa yang dibaca dan bertanyakan soalan mengenai teks.

Murid kemudiannya diajarkan strategi membuat ramalan menggunakan teks yang sama. Guru-guru ingin memastikan bahawa murid faham bahawa pelbagai strategi dapat digunakan untuk memahami sesebuah teks. Dalam pengajaran strategi ini, murid disuruh membaca teks perenggan demi perenggan dan soalan-soalan yang bersesuaian ditanyakan untuk merangsang murid berfikir dan meramal.

Pengalaman murid boleh dijadikan salah satu ramalan untuk memahami teks tersebut kerana jika murid melakukan sedemikian, mereka



telah menggunakan strategi pertama yang diajarkan. Dengan mengamalkan strategi ini juga, murid dapat mengulang pembacaan, menggilap pemahaman dan mengesahkan ramalan. Ini penting menurut Snow (1998) terutama untuk murid usia muda agar dapat mencari hubungan antara diri mereka dengan teks yang dibaca.

Setelah dua strategi diajar kepada murid, mereka diminta untuk menilai pemahaman sendiri. Ini dilakukan dengan bertanyakan soalan-soalan sebelum membaca, semasa membaca dan sesudah membaca. Soalan-soalan seperti; Apakah yang ingin disampaikan? Bagaimanakah kamu tahu perkara itu? Di manakah buktinya? Diajukan kepada murid agar mereka sentiasa menilai pemahaman mereka dalam berinteraksi dengan teks.

Dengan melakukan penilaian sendiri, murid dapat memberi tumpuan kepada informasi yang tertentu dan melakukan pertimbangan berdasarkan idea daripada informasi tersebut. Penilaian sendiri juga dapat memberikan isyarat kepada murid sama ada mereka perlu mencari informasi lain atau melihat bagaimana rakan-rakan yang lain memberikan respons. Ini sudah pastinya membantu mereka dalam pemahaman mereka.

Strategi membuat gambaran diajarkan seterusnya agar murid mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai perkara-perkara yang berlaku dalam teks. Ini amat membantu murid dalam pemahaman mereka kerana murid dapat mengenal pasti jangka masa kejadian yang berlaku dalam teks. Murid juga dapat mengenal pasti perubahan sikap dan perasaan yang dihadapi watak dalam teks. Perubahan dapat berlaku berdasarkan kejadian maka ia membantu murid melihat dengan jelas sebab dan akibat sesuatu perkara yang diceritakan.

Gambaran juga dapat meningkatkan pengalaman membaca murid dan memudahkan pemahaman. Fang (1996) menyenaraikan enam peranan gambar dalam cerita. Menurut beliau, gambar membantu dalam (a) memantapkan sekitaran, (b) mengembangkan watak, (c) meluaskan plot, (d) menyediakan sudut pandangan yang berbeza, (e) menyumbang kepada kepaduan teks dan (f) memperkukuh pemahaman teks. Fang juga melanjutkan dengan menyenaraikan kebaikan gambar termasuk menggalak pembaca, merangsang kreativiti dan sebagai perancah bagi proses berfikir.



Strategi pemahaman yang terakhir yang diajarkan adalah strategi *'Fix up'*. Strategi ini digunakan untuk membantu murid memahami dan mendapatkan makna perkataan yang sukar. Strategi yang mempunyai akronim yang direka guru iaitu: USIA. 'U' untuk ulang semula bacaan di mana terdapat perkataan tersebut. Jika tiada hubungan makna dalam ayat tersebut, 'S', lihat ayat sebelum dan sesudah. Makna biasanya dapat dicari dalam ayat-ayat tersebut. Jika masih menghadapi masalah, lihat 'I', imbuhan perkataan. Adakah imbuhan menunjukkan kata kerja, kata nama atau kata adjektif? Imbuhan dapat memberikan klu kepada makna perkataan. Akhir sekali, murid juga dapat lihat kata akar, 'A', perkataan tersebut untuk mencari maknanya.

Di akhir pengajaran strategi pemahaman, murid diingatkan bahawa mereka boleh menggunakan mana-mana strategi yang sesuai yang diajarkan dalam membantu mereka memahami teks yang dibaca. Murid juga dirancah dengan menyelesaikan latihan bersama rakan sebelum diberi tugas individu untuk diselesaikan. Ini adalah untuk memastikan bahawa setiap murid tahu dan yakin dalam menggunakan strategi yang dipilih. Tugas berpasangan juga bertujuan untuk membantu murid yang kurang mahir belajar daripada rakan sebaya mereka. Dalam suasana belajar yang menyihatkan ini, Murid diharapkan dapat belajar tanpa rasa tertekan dan dapat mengekalkan kemahiran.

Setelah murid mahir dalam penggunaan strategi, murid dirancah dalam menjawab soalan kefahaman. Soalan-soalan yang mengikuti teks kefahaman dikupas agar murid memahami kehendak soalan. Murid diajar untuk mencari kata kunci dalam soalan. Kata kunci pertama biasanya merupakan kata tanya yang digunakan dalam soalan. Kata kunci lainnya termasuk perkataan atau perkataan seerti dengan perkataan yang terdapat dalam teks. Jika murid tidak memahami maksud perkataan, strategi *'Fix up'* digunakan lagi agar mereka dapat mencari makna perkataan tersebut.

Setelah soalan difahami, murid perlu mencari ayat yang mengandungi perkataan tersebut dalam teks. Bukti yang dicari haruslah sesuai dengan soalan yang diberikan. Jika ayat tidak menepati soalan, murid perlu melihat ayat sebelum atau sesudah ayat yang mengandungi kata kunci. Setelah mereka memperoleh jawapan, murid perlu menggaris ayat tersebut. Murid kemudiannya menuliskan jawapan mereka mengikut soalan yang diberi.



Penggunaan strategi memahami teks yang digunakan untuk merancah murid terbukti berkesan kepada murid kerana mereka dapat memahami teks dan menjawab soalan kefahaman dengan lebih baik.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis keputusan awal tahun dan keputusan prelim dilakukan dan terdapat 65% murid yang menunjukkan peningkatan dalam komponen yang dikaji. Peningkatan markah dalam komponen kefahaman subjektif adalah antara 0.5 – 8 markah. Terdapat juga seramai 75% murid yang mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu mencapai 14 markah atau 70% daripada markah kefahaman. Walaupun tiada murid yang mencatatkan penurunan markah, namun masih terdapat 35% murid yang tidak menunjukkan peningkatan dalam markah kefahaman subjektif mereka.

Pemerhatian dan penelitian tugas kefahaman murid dijalankan untuk mengenal pasti sebab murid tidak menunjukkan peningkatan prestasi. Setelah diteliti, murid golongan ini didapati memang sudah mahir dalam menjawab soalan kefahaman. Mereka telah pun berada dalam golongan murid yang mencapai sasaran 14 markah yang ditetapkan.

Melalui penelitian ini juga, dapat dikenal pasti golongan yang memerlukan bantuan yang lebih. Mereka adalah 25% daripada golongan murid yang tidak dapat mencapai skor yang ditetapkan. Untuk golongan ini, guru yang mengajar telah cuba memastikan mereka menggunakan strategi yang diajar baik untuk tugas harian mahupun dalam peperiksaan.

Sehingga kini, guru-guru Bahasa Melayu sedang menantikan laporan pencapaian PSLE 2015 untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pencapaian Murid dalam komponen-komponen yang diuji. Dengan laporan itu juga, guru-guru berharap dapat mengatur langkah selanjutnya dalam pengajaran kefahaman murid-murid Darjah 6 yang lain.



KESIMPULAN

Strategi-strategi yang digunakan sudah pasti dapat membantu murid dalam pemahaman mereka. Murid dapat bekerjasama bersama rakan untuk mendapatkan pengalaman, meningkatkan keyakinan diri dan membetulkan kesilapan. Melalui kerja berpasangan, murid diberi peluang belajar berdikari sebelum melakukan tugas individu.

Setiap usaha untuk membantu murid dalam pembelajaran mereka pasti akan meraih manfaatnya. Walaupun kadang-kala keputusan yang diinginkan tidak dapat dicapai, guru-guru harus maklum bahawa sering kali keputusan adalah di luar jangkauan kita. Murid mungkin tidak menunjukkan peningkatan pada masa yang kita nanti, namun, dengan usaha yang konsisten dan berterusan, suatu hari nanti, peningkatan sudah pasti dapat diraih.

Harvey dan Goudvis (2007) juga menyatakan bahawa pengajaran kefahaman bukanlah sekadar mengajar strategi sahaja. Murid perlu menggunakan strategi untuk membaca teks agar lebih berminat tentang teks yang dibaca. Kemahiran yang diraih juga harus dapat digunakan bukan sahaja untuk satu-satu teks sahaja tetapi harus dapat digunakan untuk semua jenis teks. Pemahaman sebegini diharap dapat dipupuk dan diperolehi oleh murid agar mereka dapat gunakan sepanjang perjalanan pembelajaran mereka.

Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan setiap guru bahawa murid di bawah bimbingan mereka dapat mengaplikasikan strategi yang diajar. Murid diharap juga dapat mempersiapkan diri mereka untuk menjadi mengharungi cabaran-cabaran yang bakal mereka tempuhi.

Nota:

Guru-guru lain yang terlibat dalam kajian:

1. Asmidah Mohd Jailani
2. Zarina Abu Bakar



RUJUKAN

- Fang, Z. (1996). *Illustrations, text, and the child reader. What are pictures in children's storybooks for? Read. Horizons* 37: 130–142.
- Harvey, S., & Goudvis, A. (2007). *Strategies that work: Teaching comprehension for understanding and engagement*. Portland, ME: Stenhouse.
- Keene, E. & Zimmerman, S. (1997). *Mosaic of Thought*. Portsmouth, NH: Heinemann.
- Mahzan Arshad. (2008). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: strategi perancangan dan pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Snow, C.E., Burns, M.S., & Griffin, P. (eds.) (1998). *Preventing reading difficulties in young children*. Washington, DC: National Academy Press
- Tovani, C. (2000). *I read it, but I don't get it: Comprehension strategies for adolescent readers*. Portland, ME: Steinhouse.
- Korabiak, K., & Mete, N. (2004). ICT in the discipline of reading. Dimuat turun pada 3 Oktober 2015, dar [http://www.uoregon.edu /~moursund /DigitalAge1 / Project-Reading.pdf](http://www.uoregon.edu/~moursund /DigitalAge1 / Project-Reading.pdf) .

